

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : **16 OKTOBER 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk menetapkan kuota pengambilan dan pemberian gaji yang setimpal untuk pekerja tempatan sebagai pekerja buruh dalam sektor ‘3D’.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sasaran di bawah RMKe-11, kerajaan memberi fokus untuk mengisi kekosongan pekerjaan bagi kategori profesional sebanyak 35% bagi kategori pekerjaan Mahir, sebanyak 58.4% kategori separuh mahir dan hanya 6.6% bagi kategori berkemahiran rendah keutamaan kepada warganegara. Kerajaan juga hanya menetapkan hanya 15 peratus sahaja penggajian pekerja asing daripada jumlah guna tenaga negara menjelang 2020. Selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan tenaga kerja warganegara berkemahiran berpendapatan tinggi.

2. Pihak kementerian juga menguatkuasakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Perintah Gaji Minimum 2016) sebagai satu usaha untuk menarik pekerja tempatan bekerja di sektor-sektor yang dianggap 3D. Selain itu, pelaksanaan akta ini diharap dapat menghalang majikan daripada membayar gaji rendah di dalam beberapa sub-sektor tertentu yang akan mendorong majikan untuk mengajikan pekerja asing.

3. Dasar semasa kerajaan ialah mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Pada ketika ini, pihak kerajaan hanya memberikan kebenaran untuk mengajikan pekerja asing di sektor dan sub-sektor tertentu, yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh rakyat tempatan untuk mengajikan pekerja asing seperti sektor pembinaan, perkilangan, pertanian, perladangan, perkhidmatan dan perlombongan dan pengkuarian. Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan di Malaysia tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana kerana industri di Malaysia masih lagi bergantung kepada kos tenaga buruh yang rendah di pelbagai sektor.
4. Walaupun begitu, kerajaan juga mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Perakuan *JobsMalaysia*. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan walaupun di kategori pekerjaan asas.
5. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai JTK bagi memastikan kesahihan majikan, keperluan sebenar mengikut kelayakan, usaha mendapatkan pekerja tempatan, pematuhan undang-undang perburuhan dan penyediaan perumahan pekerja. Oleh yang demikian kuota pengambilan pekerja bukan warganegara amat bergantung kepada kelayakan dan hanya berdasarkan keperluan sebenar yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi kawal selia dalam menentukan kelulusan penggajian pekerja bukan warganegara.
6. Sehingga kini, tiada definisi khusus untuk mentakrifkan pekerjaan *Dirty, Difficult, Dangerous* (3D). Konsep 3D ini diperkenalkan oleh negara Amerika di mana terma ini berasal dari konsep di Asia yang merujuk kepada pekerjaan kolar biru. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization, ILO*) mengklasifikasikan pekerjaan 3D di bawah program keselamatan kerja di mana keutamaan diberikan kepada jenis pekerjaan dan sektor yang paling berbahaya. Terdapat 71 jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan 3D yang meliputi

SOALAN NO : 29

pelbagai sektor pekerjaan yang merangkumi pekerjaan mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah.

7. Kementerian Sumber Manusia (KSM) amat komited dalam mengutamakan rakyat negara ini mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan, kemahiran dan menepati keperluan mereka termasuklah bekerja dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*) ini. KSM yakin masih terdapat ramai rakyat negara ini mahu bekerja di sektor ini disebabkan sesuai dengan keperluan jarak dan masa kerja mereka, keistimewaan yang syarikat sediakan atau lain-lain lagi.